



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A (H1N1)
18 APRIL 2010

Sehingga jam 8:00 pagi pada 18 April 2010, Kementerian telah menerima sejumlah enam (6) laporan kejadian kluster ILI daripada empat (4) buah negeri seperti di '**Lampiran 1**'.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 17 April 2010, sejumlah 39 kes disahkan Influenza A(H1N1) dilaporkan menjasikan jumlah terkumpul kes adalah 13,127. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 534 kes. Daripada jumlah tersebut, 70 kes (13.1%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Tiada kemasukkan baru ke Unit Rawatan Rapi (ICU) dan bilangan dirawat di ICU kekal 12 di mana sembilan (9) daripadanya mempunyai faktor-faktor risiko. Tiada laporan kematian yang diterima semalam.

Kementerian Kesihatan ingin terus mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan Influenza A(H1N1) terus aktif di dalam komuniti. Masyarakat perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah dihebahkan sebelum ini. Orang awam yang mempunyai faktor risiko seperti ibu hamil, menghadapi penyakit kronik seperti asma, diabetes, buah pinggang, jantung dan lain-lain, harus segera mendapatkan pelalian vaksin A(H1N1) di 104 fasiliti Kementerian seluruh Negara. Hasil pemantauan pemberian vaksinasi oleh Kementerian Kesihatan mendapati vaksin ini adalah selamat tanpa sebarang kesan sampingan yang serius. Maklumat lanjut berkenaan influenza A(H1N1) boleh didapati dengan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Tarikh: 18 April 2010

Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness* (ILI) Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 18 April 2010

Bil.	Institusi	Bil. terdedah	Bil. Kes ILI di dalam kluster	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1	Tadika Sri Merdeka, Taman Merdeka, Batu Pahat, Johor	33 orang	3 orang	Menunggu keputusan	Rawatan simptomatik diberi sebagai pesakit luar
2	SJKC Sin Hwa, Taman Maju, Batu Pahat, Johor	1102 orang	2 orang	2 sampel positif H1N1	2 kes dimasukkan ke wad, rawatan antiviral diberi kepada kedua-duanya
3	SPB Integrasi Kerdau, Temerloh, Pahang	608 orang	2 orang	Menunggu keputusan	Rawatan simptomatik diberi sebagai pesakit luar
4	Klinik Kem PLKN Indera Pahlawan, Jengka 6, Maran, Pahang	478 orang	13 orang	Menunggu keputusan	Seorang dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral, 12 diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar
5	SMA Ad-Diniah, Al-Islamiah, Kuala Kangsar, Perak	250 orang	21 orang	9 sampel positif H1N1	1 kes dimasukkan ke wad dan rawatan antiviral diberi, rawatan simptomatik diberi sebagai pesakit luar kepada yang lain
6	Kuarters Imigresen, Padang Besar, Perlis	70 orang	2 orang	1 sampel positif H1N1	Kedua-dua kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral